



**TEKS UCAPAN
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

**MAJLIS PERASMIAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU
RSTP PAPAN 2**

7 OKTOBER 2023 (SABTU)

1. Alhamdulillah, kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNya jua, kita diberi kesempatan untuk bertemu dalam **Majlis Perasmian Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) Papan 2** di Negeri Perak pada pagi ini.

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada **Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP)** dan pasukan projek, **Agensi-agensi Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan**, serta semua pemegang taruh di atas penyiapan projek berimpak besar ini.

Dato' Seri, Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah melaksanakan infrastruktur pembetungan termasuk kajian semula dan perancangan infrastruktur pembetungan serta strategi bagi rawatan kumbahan sedia ada melalui kemudahan pelupusan enap cemar, struktur dan rancangan tempatan.

4. Seajar dengan perkembangan pesat di Negeri Perak, keperluan untuk mempunyai bekalan air bersih dan perkhidmatan pembedungan untuk tujuan domestik, komersial dan industri menjadi satu keperluan yang sangat penting.

5. Melihat kepada ancaman pencemaran daripada efluen kumbahan khususnya pencemaran sumber air dan kesihatan kehidupan rakyat, Kerajaan Persekutuan komited untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pembedungan dalam negara dengan membangunkan sistem rawatan kumbahan moden. Semua jenis kumbahan yang dilepaskan ke sungai atau persekitaran akan dirawat dengan sempurna bagi mematuhi **Efluen Standard 'A', Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Jadual Kedua (Peraturan 7)**.

6. **Pelaksanaan agenda Transformasi Sektor Air 2040 (Water Sector Transformation-WST 2040)** juga telah mula dilaksanakan di bawah **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)** hingga **RMKe-15**. Agenda ini amat penting dalam mentransformasikan sektor air negara ke arah sekuriti, kemampunan, daya maju ekonomi yang kelak menyumbang kepada kesejahteraan negara. Demi memastikan agenda ini berjaya dilaksanakan, tumpuan akan diberikan kepada beberapa bidang kritikal dalam ekosistem pengurusan air seperti tadbir urus, penglibatan rakyat, kewangan, infrastruktur dan teknologi, penyelidikan dan pembangunan, inovasi dan pengkomersilan. Agenda untuk menyediakan bekalan air yang bersih dan selamat serta perkhidmatan pembedungan yang baik kepada rakyat juga perlu terus dilaksanakan.

7. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) juga akan terus membangunkan sektor pembetulan negara selari dengan kepesatan pembangunan serta memenuhi ekspektasi rakyat. Seajar dengan hasrat tersebut, Kementerian telah menetapkan sasaran 95 peratus perkhidmatan pembetulan bersambung di bandar-bandar utama menjelang tahun 2030.

8. Peningkatan akses kepada bekalan air bersih dan sanitasi merupakan **Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goal) Nombor 6 (SDG 6)** yang turut disokong oleh Kerajaan Persekutuan.

9. Oleh itu bagi mencapai matlamat SDG 6, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar dalam memastikan perancangan penyediaan infrastruktur pembetulan yang moden dan efisien secara berperingkat di seluruh negara. Ia merupakan keperluan asas kepada rakyat menjalani kehidupan yang lebih kondusif berdasarkan kepada prinsip keadilan sosial. Ini adalah seajar dengan salah satu Teras Strategik Utama Malaysia Madani iaitu menjamin kesejahteraan insan.

10. Pembinaan sistem rawatan kumbahan yang sempurna dan menaiktaraf loji-loji rawatan sedia ada yang tidak efektif atau bersaiz kecil yang tidak kos efektif adalah antara tindakan yang dilaksanakan untuk mencapai tahap efluen yang mematuhi piawai yang ditetapkan serta memenuhi keperluan pertambahan populasi negara.

11. Pembangunan perkhidmatan pembetungan di kawasan bandar yang berkepadatan tinggi adalah berlandaskan konsep serantau (regionalisation) iaitu membina loji rawatan kumbahan dengan skala yang bersesuaian bagi menampung keperluan komuniti yang lebih ramai. Kaedah ini dapat meningkatkan kecekapan secara economy of scale di samping mengurangkan pembinaan loji-loji kecil di kawasan pembangunan baharu.

Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

12. Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) Papan 2 ini merupakan projek di bawah **Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)** dan merangkumi kawasan tadahan seluas **195 kilometer persegi**. Ia melibatkan **tiga (3) kawasan utama** iaitu **Bandaraya Ipoh, Gunung Rapat dan Menglembu** dengan kapasiti loji rawatan kumbahan sebanyak **900,000 PE** bagi kerja (awam dan struktur) dan **600,000 PE** bagi (mekanikal dan elektrik). Jumlah penduduk setara bagi keseluruhan kawasan tadahan dianggarkan akan meningkat kepada **1.5 juta penduduk setara** menjelang tahun **2045**.

13. Projek ini merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang melibatkan peruntukan terbesar di Negeri Perak dengan jumlah sebanyak **RM2.2 bilion merangkumi tiga (3) pakej projek pembetungan** iaitu Pakej 1, Pakej 2 dan Pakej 3.

14. Untuk makluman hadirin sekalian, terdapat dua (2) lagi projek pembetungan di Negeri Perak iaitu di **Pulau Pangkor** dan **Assam Kumbang** yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM234 juta** (RM234,135,277.26). Kedua-dua projek telah siap dan telah diserahkan

kepada **Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)** untuk dioperasi dan diselenggarakan.

15. Saya berbangga dan mengucapkan sekalung penghargaan kepada JPP kerana projek ini dapat diselia sepenuhnya oleh kakitangan JPP tanpa melantik **Perunding Pengurusan Projek (PMC)** dengan membawa penjimatan kepada Kerajaan sebanyak **RM110 juta**.

16. Saya difahamkan pembinaan loji ini turut menggunakan pendekatan baharu seperti pembangunan hijau (green growth) seperti penggunaan semula efluen, penggunaan peralatan cekap tenaga dan tenaga solar bagi kegunaan loji rawatan kumbahan (LRK). Penggunaan teknologi hijau, tenaga boleh baharu dan pembudayaan kitar semula ini dapat mengurangkan jejak karbon (carbon footprint).

17. Saya berharap pihak Indah Water Konsortium (IWK) selaku operator pebetungan berlesen dapat mengembangkan lagi inisiatif teknologi hijau yang tersedia di loji ini berdasarkan konsep kekayaan daripada sisa (waste to wealth) dari penghasilan produk sampingan rawatan kumbahan (by-product) seperti bioefluent dan biomas.

18. Inisiatif ini juga selari dengan yang antara lainnya menyasarkan 33 peratus daripada bioefluen yang dihasilkan daripada LRK diguna semula menjelang tahun 2030. Pembudayaan ekonomi kitaran daripada produk sampingan rawatan kumbahan dapat menjadi penyumbang penting kepada usaha pelestarian alam sekitar dan bakal menjadi penjana ekonomi negara bagi sektor air.

19. Bagi memastikan kemudahan dan fasiliti kumbahan yang disediakan diselenggara dengan baik dan pada tahap optimum, pengoperasian loji ini telah diambilalih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) pada 1 September 2023 dan Majlis Penyerahan Kunci telah diadakan pada 24 Ogos 2023.

20. Saya juga telah dimaklumkan bahawa Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau Ipoh RSTP ini turut menerima dua (2) pengiktirafan dari pihak **Malaysia Book of Records**. Pengiktirafan yang pertama adalah "**The Biggest Circular Shape Pumping Station**" manakala pengiktirafan yang kedua pula adalah "**Deepest Inlet Chamber Pumping Station**" yang berkedalaman **22 meter**. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang menjayakan projek ini. Saya juga berharap pihak JPP akan terus mencipta lebih banyak lagi rekod seperti ini sekaligus membuktikan keupayaan warga kerja JPP di peringkat antarabangsa.

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada JPP dan Loyal Engineering Sdn. Bhd., selaku kontraktor utama projek serta semua pemegang taruh yang telah berganding bahu di atas penyiapan Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau RSTP Papan 2.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacita **merasmikan Loji Rawatan Kumbahan Serantau RSTP Papan 2.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.